

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : TUAN SYED IBRAHIM BIN SYED NOH
[LEDANG]**

TARIKH : 29 SEPTEMBER 2021 (RABU)

SOALAN

minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan secara terperinci perkembangan usahaewartakan perkhidmatan telekomunikasi sebagai utiliti awam serta impak langkah ini kepada ekonomi dan rakyat.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan Persekutuan telah mengiktiraf Komunikasi sebagai Utiliti Awam melalui keputusan yang telah dibuat dalam Mesyuarat Jemaah Menteri pada 2 Jun 2021 lalu. Melalui pengiktirafan ini, penyediaan infrastruktur komunikasi kini telah diwajibkan dalam setiap projek pembangunan di peringkat persekutuan, negeri dan juga pihak berkuasa tempatan (PBT). Ini bermakna utiliti telekomunikasi perlu disediakan pemaju sebelum memajukan sesuatu kawasan yang sekali gus memudahkan lagi perancangan pembangunan sesuatu kawasan secara lebih terancang memandangkan talian telah tersedia sebelum ia diduduki.

Denganewartakan telekomunikasi sebagai utiliti awam, akses perkhidmatan komunikasi dapat disediakan secara menyeluruh, berkualiti tinggi, cepat dan dengan kos operasi yang berpatutan. Ketersediaan

SOALAN NO: 45

rangkaian komunikasi yang berkualiti tinggi dapat menggalakkan pertumbuhan ekonomi dan seterusnya meningkatkan tahap daya saing negara.

Justeru, bagi memastikan penyediaan infrastruktur komunikasi ini dapat dilaksanakan seperti yang dirancang, komitmen dan kerjasama semua pihak termasuk Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri dan PBT amat diharapkan. Ini adalah kerana pewartaan undang-undang yang mewajibkan pelaksanaan jalur lebar sebagai utiliti ketiga adalah di bawah bidang kuasa Kerajaan Negeri.

Semua usaha ini berisiko untuk terbantut sekiranya kerajaan-kerajaan negeri gagal melaksanakan perubahan dasar yang bersesuaian dan mengurangkan kos untuk membina infrastruktur ini dengan pantas. Peranan infrastruktur telekomunikasi sebagai keperluan asas telah pun dizahirkan dalam Undang-undang Kecil Bangunan Seragam (UKBS) (Pindaan 2011).

Bagi mengukuhkan pelaksanaan aspek ini, Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) telah membangunkan Garis Panduan Perancangan Infrastruktur Komunikasi (GPP-I) untuk mewujudkan amalan perancangan yang seragam dan boleh dijadikan piawaian oleh semua Kerajaan Negeri dan PBT. Sehingga kini, sebanyak 10 buah negeri telah bersetuju untuk menerima pakai garis panduan ini iaitu negeri Perlis, Pulau Pinang, Wilayah Persekutuan, Melaka, Terengganu, Pahang, Perak, Kedah, Negeri Sembilan dan negeri Johor.

Sehubungan itu, kerjasama serta komitmen Kerajaan Negeri dan semua pihak adalah penting bagi memastikan kesemua cadangan dasar yang telah diluluskan di peringkat pusat, dapat diaplikasikan di peringkat negeri dan PBT agar penyediaan infrastruktur digital dapat dimudahcara serta mengikut piawaian yang tertentu bagi memastikan Aspirasi Nasional dapat dicapai.